

PESAN MINGGU KATEKATIKAL 2021
Komuniti-komuniti Paroki: Ejen Iman, Harapan, Kasih

Allah tidak pernah bermaksud untuk membiarkan kita hidup sendiri. Allah memanggil kita untuk berkongsi, melayani, menyembuh, bekerja dan beribadat seperti orang lain di dalam dan bersama dengan komuniti. Komuniti gereja terdiri daripada anggota-anggota yang berasal dari pelbagai latar belakang, umur, pengalaman dan keperibadian. Tertarik dengan kerahiman Allah, mereka menyahut panggilan Allah dengan murah hati apabila berkumpul sebagai komuniti untuk merayakan Ekaristi, dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti paroki. Sebagai orang yang tidak sempurna, anggota komuniti ini juga selalu menghadapi cabaran, selalu berjuang dengan kelemahan manusiawi dan yang diancam oleh kuasa-kuasa yang bertentangan.

Tidak dapat dinafikan bahawa setiap gerakan dan tindakan di dalam komuniti paroki, dan Gereja secara keseluruhan, diteliti tidak hanya oleh mereka yang bukan Katolik, tetapi juga oleh para umat sendiri, termasuk oleh para baptisan baru. Oleh itu, bersama-sama, sebagai sebuah komuniti, kita perlu membina imej paroki yang baik melalui kata-kata dan perbuatan kita kerana kita memainkan peranan penting dalam tugas penginjilan.

Nilai-nilai asas Iman, Harapan dan Kasih adalah dasar bagi setiap kehidupan orang Kristian (1 Korintus 13:13). Sebagai anggota komuniti paroki, *kita harus menyelubungi diri kita dalam Kristus (Galatia 3:27), berperisaiakan bajuzirah iman dan kasih, dan bertopikan pengharapan akan penyelamatan (1 Tesalonika 5: 8)* agar dapat memuliakan Allah dan untuk bersekutu dengan satu sama lain. Kita harus merendahkan diri untuk mengamalkan dan memupuk nilai-nilai ini agar dapat membuahkan hasil. Kita tidak boleh dipengaruhi oleh nilai-nilai duniawi yang merosakkan kehidupan komuniti paroki. Untuk menghidupi nilai-nilai Iman, Harapan dan Kasih, kita harus meneladani Bonda Maria dan membenarkan Roh Kudus menggunakan kita sebagai alat kasih dan kedamaian. Dengan berbuat demikian, kita berharap dapat menjangkau lebih ramai orang masuk ke dalam kebun anggur Allah, untuk menerima rahmat-Nya, dan menghidupkan kembali mereka yang telah 'mati' dalam komuniti.

Sebagai pemimpin dan anggota komuniti paroki, kita tidak boleh kehilangan nilai-nilai asas ini. Jika tidak, kita mungkin akan menyimpang dari ajaran Allah yang sebenarnya, dan akan mengkompromikan kerohanian dan moral kita. Kita akan dipenuhi dengan kesombongan, menganggap diri sendiri saja yang betul, rasa tidak puas hati, cemburu dan menghakimi orang lain. Akibatnya, kita akan buta terhadap kesalahan dan dosa kita sendiri, dan akan menimbulkan perpecahan dan sikap tidak bertoleransi antara satu sama lain. Seperti petikan dari Alkitab mengatakan: "*Orang buta tidak dapat memimpin orang buta*" (Lukas 6: 39-42). Kita tidak akan dapat mengasihi dan mengasihani orang lain atau memimpin domba yang sesat kembali kepada Allah.

Sebagai ejen Iman, Harapan dan Kasih, kita tidak boleh menganggap remeh akan peranan kita. Kita masing-masing harus memainkan peranan dan berusaha untuk menjadi *"garam dan terang dunia"* (Matius 5: 13-16) dalam kehidupan seharian kita seperti yang telah dilakukan oleh Tuhan kita Yesus Kristus, Gembala yang Baik. Marilah kita mulakan dengan melihat Kristus dalam diri orang lain, dan juga dengan menjadi Kristus kepada mereka dengan membawa kegembiraan, penyembuhan dan pemulihan kepada semua orang. *"Bukan semua dari kita dapat melakukan perkara yang besar. Tetapi kita dapat melakukan perkara-perkara kecil dengan kasih yang besar."* (Santa Teresa dari Kalkuta). *Demikianlah tinggal ketiga hal ini iaitu iman, pengharapan dan kasih, dan yang paling besar di antaranya ialah kasih" (1 Korintus 13:13).*